

# DBKL arah henti kerja pembinaan

**Kuala Lumpur:** Sebuah tapak pembinaan di Wangsa Maju di sini, diarah menghentikan kerja pembinaan susulan kejadian letupan akibat kegagalan struktur pada Khamis lalu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wangsa Sari berhubung kejadian letupan berkenaan.

Menurutnya, pihaknya mendapati terdapat kereetakan pada struktur *shear wall*, tiang dan lantai pada unit-unit yang berada di tingkat lapan (*facilities floor*) dan ke atas hasil siasatan yang dilakukan susulan kejadian itu.

“Satu notis mengikut Seksyen 70B(2), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) sudah dikeluarkan (*stop work order*) kepada pihak perunding serta

mengarah memberhentikan semua kerja pembinaan dan menyelenggara tapak bina supaya berada dalam keadaan bersih dan selamat.

“Selain itu, mereka diarah melantik jurutera bebas bagi menjalankan pemeriksaan integriti struktur keseluruhan pembangunan berkenaan, mengemukakan laporan iaitu hasil pemeriksaan integriti struktur dan menjalankan kerja rektifikasi berdasarkan pengesyoran daripada jurutera bebas,” kata kenyataan itu.

Katanya, tempoh pemberhentian pembinaan projek adalah berdasarkan pelaksanaan perkara diarahkan.

Bagaimanapun katanya, punca letupan dan kegagalan struktur belum ditentukan sehingga laporan integriti struktur dikemukakan kepada DBKL.